

Faktor untuk jadi bahasa

APRIL 26 APR 1977

saintifik:

Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin. — Soal tidak mempunyai sesuatu bahasa sebagai bahasa akademik atau saintifik bukan terletak pada sifatnya tetapi pada peluang yang diberikan dan juga bergantung besar kepada sikap rakyat terhadap bahasa itu, demikian ditegaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dr. Mahathir juga Menteri Pelajaran berkata demikian ketika merasmikan persidangan keempat Persatuan Bahasa-bahasa Kebangsaan Asia di sini.

Sidang enam hari dihadiri oleh 100 peserta dari Indonesia, India, Jordan, Negeri Thai, Filipina dan Singapura juga para pemerhati dari United Kingdom, Perancis, Canada, Australia dan Republik German.

Dr. Mahathir berkata, berikutan penjajahan, kebanyakan bahasa-bahasa Asia turut terpendam dengan tidak diberi kesempatan menjadi bahasa rasmi dan bahasa pendidikan persekolahan.

"Bahasa mereka tinggal hanya sebagai bahasa vernakular yang diajar pada tingkat sekolah rendah dan digunakan dalam perbualan peringkat rendah sehari-hari.

Sebagai contoh beliau mengambil Malaysia di mana pada zaman pra-Merdeka, Bahasa Melayu hanya diajarkan setakat di sekolah rendah sahaja, iaitu selama enam tahun.

Penjajah

Jika murid-murid yang berkenaan hendak melanjutkan pelajaran, maka tidak ada jalan bagi mereka selain dari melalui pendidikan dalam bahasa pengantar Inggeris.

Dengan demikian, maka timbullah satu gejala dalam masyarakat sendiri yang membezakan orang yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa Inggeris dengan orang yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bahasa itu," kata Dr. Mahathir.

Dalam bidang ilmu pula, orang yang tidak mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris itu tidak dianggap sebagai orang yang mempunyai pendidikan tinggi.

Dari segi ekonomi, peluang-peluang untuk meninggikan kedudukan dan taraf hidup dalam masyarakat bagi orang yang tidak mempunyai pendidikan bahasa Inggeris sangat kurang dibandingkan dengan mereka yang mempunyai bahasa Inggeris.

Terdesak

Oleh kerana bahasa kebangsaan itu sekian lama terdesak oleh bahasa penjajah dan tidak

diberi peluang untuk berkembang, maka terjadilah satu pengasingan antara bahasa kebangsaan dengan perkembangan ilmu-ilmu moden, khasnya ilmu sains dan teknologi.

"Dengan demikian, maka timbullah anggapan yang salah bahawa bahasa kebangsaan tidak mampu untuk menjadi bahasa akademik atau bahasa saintifik, tegegas beliau.

"Soal tidak mempunyai sesuatu bahasa itu, bukanlah terletak pada sifat bahasa itu, tetapi pada peluang yang ada pada bahasa itu untuk dipakai sebagai bahasa akademik atau saintifik.

"Ia juga terletak pada sikap rakyat negara yang berkenaan sama ada hendak menggunakan bahasanya sendiri dalam konteks yang demikian," kata Dr. Mahathir.